

# Berita Manmin

NO. 41 1 JUN 2025

Orang yang Telah Bertemu Tuhan

*Pada musim yang penuh dengan haruman kesyukuran ini,  
kasih setia Tuhan yang tidak berkesudahan melimpah dalam segala hal.*



## **“Saya telah sembah sepenuhnya daripada kesan patah pergelangan sendi tangan saya!”**

Saudari Hoim Chu | 66 tahun, Yangcheon-gu, Seoul, Korea

Pada suatu hari pada tahun 2023, saya sedang mengangkat barang keluar dari kedai saya. Saya tersandung kotak lalu terjatuh. Badan saya condong ke kanan dan secara alamiah saya terjatuh dengan lengan kanan dihempap tubuh. Kesakitan yang saya alami sangat teruk seolah-olah saluran darah pada lengan saya pecah. Saya menjerit dengan begitu kuat akibat kesakitan dan berteriak, “Tolong saya!” Mujurlah pemilik kedai sebelah bergegas keluar lalu membantu saya untuk dihantar ke hospital dengan ambulans.

Doktor berkata, “Apabila kamu jatuh tertiarap, mungkin tulang pipi kamu patah dan pergelangan tangan hancur. Mujurlah kamu hanya mendapat keretakan yang ringan.” Saya terjatuh akibat kecuaian sendiri, namun saya hanya mengalami luka kecil. Saya merasakan perlindungan dan kasih Tuhan.

Selepas itu, saya menerima doa daripada Pastor Mikyung Lee lalu beliau menasihati saya untuk memupuk kelembutan dan perhatian dalam diri saya. Nasihat itu terpaht dengan mendalam dalam hati saya. Dalam dua atau tiga minggu, tulang saya sembuh

dengan cepat lalu balutan simen dibuka. Doktor memberitahu bahawa otot saya telah menjadi tegang, jadi kesan sampingan serta kesakitan yang berpanjangan akan berlaku.

Selepas itu, pergelangan tangan saya masih terasa kebas dan sakit untuk suatu tempoh. Saya terpaksa memegang pergelangan tangan kanan saya dengan tangan kiri untuk memanaskannya dan mengurangkan kesakitan. Pergelangan tangan saya bergetar dan saya tidak dapat bertepuk tangan dengan betul semasa puji-pujian dalam ibadat. Oleh itu, saya dengan bersungguh-sungguh menerima doa untuk orang sakit pada setiap kali menghadiri ibadat pagi Ahad untuk kesembuhan daripada kesan patah sendi pergelangan tangan.

Pada 24 Januari 2025, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dengan hati yang mendambakan Tuhan. Apabila Pastor Soojin Lee mendoakan orang yang sakit sambil menyebut jenis penyakit, saya terdengar ungkapan “kesan selepas kemalangan” lalu saya menerima doa beliau dengan iman, sambil berkata “Amin.” Pada



saat itu juga saya merasakan kesejukan pada pergelangan tangan kanan dan seluruh tubuh saya.

Saya cuba menggerakkan tangan saya dan mendapati kesakitan itu telah hilang dengan sepenuhnya. Kini saya dapat bertepuk tangan dengan sepenuh hati dalam puji-pujian. Saya yakin telah sembah dan menghantar kesaksian kesembuhan saya kepada gereja. Haleluya! Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan.

# “Saya sembah daripada kemurungan, insomnia dan fobia sosial!”

Saudari Jeongsuk Kim | 67 tahun, Paju, Gyeonggi-do, Korea

Saya dahulu sering pergi ke kuil Buddha selama 42 tahun. Rumah saya ada pelbagai azimat perlindungan dan jampi keberkatan. Ibu bapa mentua saya juga menyembah berhala dan kehidupan rumah tangga saya amat sukar.

Seiring peredaran waktu, bapa mentua saya meninggal dunia lalu rohnya sering muncul dalam mimpi saya, cuba memukul saya dengan kayu. Dua ipar perempuan saya meninggal dunia pada usia muda akibat keracunan gas arang, manakala suami saya meninggal dunia akibat kanser, dan mereka juga menyeska saya dalam mimpi saya. Saya tidak dapat tidur dengan baik dan mengalami insomnia. Seluruh badan saya sakit dan terasa berat sehingga saya tidak mampu bangun pada waktu pagi.

Saya kerap hilang keseimbangan dan terjatuh. Pada suatu hari, saya mengalami kemalangan serius di rumah lalu patah empat tulang rusuk sehingga perlu dirawat di hospital selama sebulan. Hidup saya amat sukar dan menyakitkan sehingga saya mengalami kemurungan dan fobia sosial.

Pada tahun 2024, saya berpindah ke rumah saya yang sekarang dan berjumpa jiran saya, Diaken Kanan Wooyoung Lee. Dia menginjili saya dan mengatakan bahawa jika saya bertemu dengan Tuhan Yang Maha Hidup, saya akan sembah daripada semua penyakit dan hidup bahagia. Saya berjanji akan ke gerejanya untuk satu kali. Pada 6 Oktober 2024, saya ke gereja dan hari itu merupakan ulang tahun ke-42 Gereja Pusat Manmin.

Dalam ibadat, Pastor Soojin Lee menyampaikan khutbah yang sangat mengesankan dan persembahan ulang tahun itu amat hebat dan indah. Saya berasa seolah-olah berada di dunia yang baru. Selepas itu, saya ke tempat ibadat di Ilsan, Bandar Goyang

bersama Diaken Kanan Lee pada setiap hari Ahad. Saya membuang semua azimat, jampi, lukisan Buddha dan apa-apa sahaja yang berkaitan dengan agama Buddha dari rumah saya.

Sebaliknya, saya menggantungkan kalender gereja Manmin dan memasang aplikasi GCN (Global Christian Network) pada telefon pintar dan TV saya. Saya menghadiri Ibadat Rabu, Ibadat Sepanjang Malam Jumaat dan Perjumpaan Doa Daniel melalui TV GCN. Selepas itu, saya tidak lagi mengalami mimpi yang pelik. Roh bapa mentua, ipar-ipar dan suami saya yang telah lama mengganggu saya tidak lagi muncul, dan saya tidur dengan lena. Tambahan pula, saya tidak pernah terjatuh lagi dan hati saya sentiasa tenang.

Pada tahun 2019, saya mengalami kemalangan kereta dan perlu menjalani pembedahan untuk memasukkan tulang buatan pada pelvis. Selepas itu saya mengalami kesan sampingan dan perlu ke klinik perubatan tradisional dua atau tiga kali seminggu untuk akupunktur dan fisioterapi. Namun begitu, selepas saya mula menjalani kehidupan beragama dalam Kristus, lawatan ke hospital semakin berkurang, dan lima bulan kemudian, saya tidak perlu ke hospital lagi. Sejak itu, saya berasa selesa tanpa sebarang rawatan perubatan.

Saya mengalami kecederaan pada lutut kanan dan pergi ke hospital. Doktor mencadangkan pembedahan kerana tulang rawan saya telah haus. Saya sukar untuk membuat keputusan. Pada hari Rabu, 27 November 2024, saya menghadiri ibadat malam Rabu melalui TV GCN dan terus mengikuti program GCN. Pastor Soojin Lee memimpin Perjumpaan Doa Daniel untuk kepuhanan Roh Kudus sebagai persediaan untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi.



Semasa saya mendengar doa beliau, air mata dan hingus mula mengalir, dan seluruh badan saya menjadi panas. Saya berkata dalam hati, “Apakah yang sedang berlaku kepada saya?” Saya berdoa dengan penuh emosi sehingga akhir. Keesokan harinya, saya berasa terkejut apabila mendapati bunyi pada lutut saya hilang, dan rasa kebas dan sakit hilang dengan sepenuhnya. Sekarang, semasa duduk dan bangun, saya sama sekali tidak berasa sakit atau tidak selesa.

Pastor Soojin Lee mengajar kita untuk merapatkan tangan, mengetatkan perut dan berdoa dengan bersungguh-sungguh. Saya mengingat ajaran itu dan sentiasa mempraktikkannya. Selepas itu, saya berasa lebih segar dan lega. Khutbah beliau dalam setiap ibadat Ahad sangat benar dan menyakinkan.

Kadang-kadang saya bertemu rakan lama saya, dan mereka terkejut melihat wajah saya yang ceria dan berseri. Oleh itu, saya dengan gembira memberitahu mereka bahawa hidup saya telah berubah sejak saya mula pergi ke gereja. Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang menyembuhkan saya dan menemui saya, dan menjadi Pembimbing hidup saya.



## ‘Hanya Alkitab’ oleh Pastor Soojin Lee disiarkan melalui YouTube dalam pelbagai bahasa

Ia menyampaikan surat kasih Tuhan yang tersembunyi dalam Kitab Suci dan kasih Tuhan yang melimpah-limpah



Dialih suara dalam 6 bahasa (Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, dan Perancis) dan disarikatakan dalam 13 bahasa (Korea, Inggeris, Cina, Jepun, Sepanyol, Rusia, Perancis, Urdu, Hindi, Swahili, Tamil, Romania, dan Ibrani).

\*\* Anda dapat menonton ‘Hanya Alkitab’ hanya dengan mengimbas kod QR.

# “Saya sembah daripada herniasi cakera serviks akibat kemalangan jalan raya!”

Saudara Haenggwan Choi | 60 tahun, Guro-gu, Seoul



Selama empat tahun yang lalu, saya mengalami kesukaran tidur kerana ketidakselesaan pada leher dan bahu saya. Saya

kerap berasa letih dan menerima terapi fizikal. Pada 10 Oktober 2024, saya sedang menunggang basikal melintasi laluan pejalan kaki lalu terlanggar oleh teksi. Saya terus ke hospital dan melakukan imbasan MRI yang menunjukkan bahawa saya mengalami herniasi cakera serviks.

Doktor memberitahu saya bahawa saya mungkin perlu menjalani pembedahan bergantung kepada perkembangan keadaan

saya. Sejak itu, saya mengalami ketegangan leher dan bahu, lengan kebas, dan sakit kepala yang teruk, serta tidak dapat tidur dengan lena.

Saya merenung kehidupan saya berdasarkan firman Tuhan dan mengalirkan air mata dalam pertaubatan kerana terlalu leka dengan rancangan TV dan YouTube serta masih terikat dengan hal dunia. Pada 28 November, kesakitan menjadi sangat teruk sehingga saya tidak dapat tidur sehingga saya menerima doa untuk orang sakit oleh mendiang Pastor Jaerock Lee yang dirakamkan dalam telefon. Pada malam itu, saya bermimpi seekor tikus besar membawa tiga anak tikus dan mlarikan diri sambil memandang sekeliling.

Keesokan harinya, 29 November, saya

menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dengan hati yang penuh kerinduan. Pastor Kanan Soojin Lee, mendoakan orang sakit sambil menyebut nama penyakit selepas khutbah beliau. Apabila beliau berkata, “Sembuhkan orang yang mengalami herniasi cakera serviks!”, saya berkata, “Amin.” Pada saat itu, leher dan tulang belakang saya terasa segar, ketegangan menjadi lembut. Bahu saya yang tegang dan lengan yang kebas turut menjadi lega, dan sakit kepala saya hilang dengan sepenuhnya.

Empat bulan telah berlalu sejak itu dan saya tidak lagi mengalami kesakitan serta dapat tidur lena pada waktu malam. Pada tahun ini, saya telah terpilih sebagai Presiden Persatuan Pemimpin Sel Lelaki oleh kasih kurnia Tuhan. Haleluyah!

# “Saya sembah daripada radang tonsil selama 20 tahun!”

Saudari Hyang Kim | 56 tahun, Guro-gu, Seoul

Kira-kira 20 tahun yang lalu, saya tidak memakai pelitup muka semasa bekerja di persekitaran yang berhabuk. Saya sering mengalami sakit tekak dan Bengkak tekak disertai batuk. Semasa menelan makanan, tekak saya terasa sakit. Saya ke hospital dan didiagnosis dengan radang tonsil. Doktor menyuruh saya makan ubat apabila simptom menjadi teruk. Namun begitu, ubat tersebut tidak berkesan.

Pada tahun 2009, saya menyertai Gereja Pusat Manmin dan memulakan kehidupan beragama. Seiring peredaran waktu, saya sembah daripada pelbagai penyakit seperti alahan dan sakit kepala, tetapi radang tonsil saya masih kekal. Hidung dan tekak saya sentiasa Bengkak, dan setiap kali saya menelan, terasa sesuatu tersangkut pada tekak, terasa pahit dan menyakitkan.

Semasa saya berseru dalam doa, saya sering batuk dan tidak dapat berdoa dengan bersungguh-sungguh.

Pada awal tahun 2025, saya menyimpan hasrat untuk berseru dalam doa dan menyanyikan lagu pujian dengan lebih bersungguh-sungguh. Saya mendaftar untuk Perjumpaan Kesembuhan Ilahi pada bulan Januari dan berdoa untuk kesembuhan saya dalam Perjumpaan Doa Nazar Daniel sebagai persediaan untuk perjumpaan kesembuhan tersebut.

Pada 24 Januari, saya menghadiri Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dan dipenuhi oleh Roh Kudus semasa puji-pujian permulaan. Saya tidak batuk walaupun bernyanyi dengan suara yang kuat. Apabila Pastor Kanan Soojin Lee menyebut “radang tonsil” dalam doa beliau

untuk orang sakit, saya berkata “Amin” lalu tekak saya terasa segar.

Selepas itu, semua kesakitan dalam tekak saya hilang dengan sepenuhnya, dan saya tidak lagi berasa pedih apabila menelan air liur. Kini, saya dapat makan kimchi pedas tanpa berasa sakit tekak. Saya juga dapat berdoa dengan bersungguh-sungguh dan menyanyikan lagu pujian dengan suara yang kuat. Saya sangat gembira! Saya memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan yang telah menyembuhkan saya.



# Mengapakah mereka membahagikan pakaian Yesus dan membuang undi untuk jubah-Nya? (2)

**Maksud jubah Yesus yang tidak berkelim, seluruhnya dianyam dari atas**

## 2. Maksud jubah Yesus yang tidak berkelim, seluruhnya dianyam dari atas

Yohanes 19:23 menyatakan, "Jubah itu tidak berkelim, seluruhnya dianyam dari atas." Jubah Yesus bukan dibuat dengan cara menjahit beberapa helai kain, tetapi ditenun sebagai satu helai dari atas ke bawah. Secara umumnya, orang tidak begitu memberi perhatian sama ada pakaian dalam ditenun dari atas atau dari bawah.

Namun begitu, mengapakah Tuhan merekodkan jubah Yesus dengan begitu terperinci? Yesus ialah Raja Israel dan jubah-Nya melambangkan hati dalaman bangsa Israel dan iman mereka kepada Tuhan. Oleh itu, jubah Yesus menunjukkan bahawa Israel ialah sebuah bangsa yang murni dan tunggal, tanpa perkahwinan campur dengan bangsa lain.

Alkitab menyatakan bahawa Adam ialah bapa umat manusia, Abraham bapa iman, dan Yakub bapa bangsa pilihan Tuhan, iaitu Israel. Tuhan memberikan Yakub nama baru, 'Israel' dan membentuk dua belas suku bangsa Israel melalui dua belas anak lelakinya. Tuhan melihat hati Yakub yang baik dan rohani, lalu membentuk bangsa Israel melalui Yakub.

Orang Israel kekal sebagai satu bangsa tunggal untuk waktu yang lama tanpa perkahwinan campur dengan bangsa lain, dan mereka hanya menyembah satu-satunya Tuhan. Frasa "ditenun dari atas" bermaksud bahawa mereka ialah keturunan yang murni secara langsung daripada Abraham dan

"Setelah menyalib Yesus, askar-askar mengambil pakaian-Nya, dibahagi empat, sebahagian untuk setiap askar. Mereka mengambil jubah-Nya juga. Jubah itu tidak berkelim, seluruhnya dianyam dari atas. Oleh itu, mereka berkata sesama sendiri, 'Janganlah kita koyakkan. Kita buang undi untuk menentukan siapa yang dapat.' Dengan demikian terlaksanalah apa yang tersurat dalam Kitab Suci: 'Mereka membahagikan pakaian-Ku antara mereka dan untuk mendapat jubah-Ku mereka membuang undi.' Begitulah yang dilakukan oleh askar-askar itu."

(Yohanes 19:23-24)

Yakub, melalui dua belas suku Israel.

Sebab Tuhan memilih Yakub sebagai bapa bangsa Israel, bukan Abraham, adalah kerana dua belas suku dibentuk melalui Yakub dan mereka membentuk bangsa Israel.

Kejadian 35:10-11 menyatakan, "Firman Allah kepadanya, 'Namamu Yakub, tetapi kamu tidak akan lagi disebut Yakub. Namamu akan menjadi Israel.' Maka Allah menamainya Israel. Firman Allah kepadanya

pula, 'Akulah Allah Yang Maha Kuasa. Beranakcuculah dan bertambah ramailah. Sebuah bangsa, bahkan sekumpulan bangsa akan berasal daripadamu, dan daripada keturunanmu akan muncul raja-raja."

Israel telah ditubuhkan sebagai satu bangsa yang murni melalui dua belas orang anak lelaki Yakub. Namun begitu, semasa pemerintahan Raja Rehabeam, anak kepada Raja Salomo, Israel terbahagi dua: Israel Utara dan Yehuda Selatan. Lama-kelamaan, Israel Utara berkahwin campur dengan bangsa asing dan menjadi bangsa campuran. Yehuda Selatan mengekalkan keturunan murni tanpa perkahwinan campur, dan mereka dikenali sebagai 'orang Yahudi'.

Ayat yang menyatakan bahawa jubah Yesus tidak berkelim, ditenun dari atas dalam satu helai melambangkan bahawa Israel ialah sebuah bangsa yang murni dan tunggal, tidak bercampur dengan bangsa lain sejak bangsa itu dibentuk melalui Yakub.

Namun begitu, orang yang dikehendaki oleh Tuhan bukanlah orang yang mempunyai darah keturunan yang murni, tetapi orang yang hatinya benar-benar milik Tuhan dalam roh. Oleh itu, kita harus mempunyai hati yang tulus dan murni tanpa kepalsuan di hadapan Tuhan. Kita harus mempunyai hati yang suci dan iman yang menyenangkan hati Tuhan, bukan sekadar menjalani kehidupan beragama secara luaran.

<Bersambung dalam edisi yang seterusnya>



**Peluang Istimewa untuk Kesihatan dan Kebahagiaan Anda!**  
**Sertai kami untuk Retret Musim Panas Manmin 2025 di mana kesembuhan dan jawapan melimpah melalui kerja Roh Kudus yang berapi-api!**  
**Datang dan lihatlah keajaiban baru terungkap dalam kehidupan anda!**

**4 Ogos 2025 (Isnin), 7:00 malam**  
**Perjumpaan Kesembuhan Ilahi**

Pembicara:  
 Pastor Kanan Dr. Soojin Lee

GCN TV | www.gcntv.org  
 Gereja Pusat Manmin | www.manmin.org Tel. 02-818-7000